

26 AUG 2000

Umno-surat

UMNO NAFI EDAR PEKELILING CARA BERPAKAIAN

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob menafikan bahawa Umno ada mengedarkan pekeling mengenai pakaian semasa menghadiri majlis dan program yang disertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya ibu pejabat Umno tidak pernah mengedarkan surat pekeling yang dikatakan menggunakan kepala surat Umno bertarikh 28 Julai, 2000.

"Kononnya terdapat surat daripada Setiausaha Agung Umno dan yang ditandatangani saya yang menyatakan tentang cara berpakaian yang dikehendaki semasa menghadiri majlis yang dianjurkan Umno terutama program yang dihadiri Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan.

Khalil juga menyertakan contoh surat pekeling itu yang menurutnya palsu kerana bentuk tandatangan, gelaran nama dan format tulisan adalah berlainan daripada yang biasa digunakannya.

Pekeling itu yang dikatakan ditujukan kepada Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri menyatakan anggota Umno, anggota parti komponen Barisan Nasional dan kakitangan kerajaan tidak dikehendaki memakai kopiah putih, berjanggut dan berserban putih kerana kononnya pakaian demikian tidak disenangi oleh Dr Mahathir.

"Ini adalah satu lagi cara memfitnah untuk mewujudkan kebencian kepada parti dan pemimpin," kata Khalil yang juga Menteri Penerangan.

Beliau berkata pengedaran surat seumpama itu bukannya pertama kali, malah tiap-tiap kali pilihan raya kecil seperti di Sanggang dulu pun terdapat pengedaran begitu banyak surat sedemikian.

Katanya sebarang surat yang dikeluarkan oleh Setiausaha Agung adalah hanya kepada perkara rutin dan bukan yang melibatkan dasar parti.

Ini kerana setiap hasil mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan kebiasaannya diumumkan oleh pengerusi setelah dilaporkan kepada Majlis Tertinggi sebelum pekeling dikeluarkan, katanya.

"Saya berharap orang ramai tidak terkeliru dengan surat-surat palsu yang diedarkan secara berleluasa sekarang," katanya.

Khalil berkata Umno tidak pernah menyarankan bentuk pakaian yang perlu dipakai anggotanya dan tidak pernah menjadikannya sebagai satu perkara yang ditetapkan.

Katanya penyebaran surat itu bertujuan mengelirukan orang ramai dan membangkitkan kemarahan kepada parti dan pemimpin khususnya Dr Mahathir.

Ia juga merupakan satu propaganda pihak tertentu untuk menanamkan unsur benci di kalangan masyarakat, katanya.

-- BERNAMA

HS AZZ RI